

Penolakan Ajakan dalam Rangkaian Sosial dari Perspektif Sosiopragmatik

Declining an Invitation in Social Networks from a Sociopragmatic Perspective

*NATSUE HIEDA¹

NOR HASHIMAH JALALUDDIN²

MOHAMMAD FADZELI JAAFAR³

¹UniKL Japan Universities Program, Universiti Kuala Lumpur (MFI),
43650 Bangi, Selangor, Malaysia

²Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: hieda@unikl.edu.my

Published online: 28 April 2022

To cite this article: Natsue Hieda, Nor Hashimah Jalaluddin and Mohammad Fadzeli Jaafar. 2022. Penolakan ajakan dalam rangkaian sosial dari perspektif sosiopragmatik. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 29(1): 71–96. <https://doi.org/10.21315/kajh2022.29.1.4>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2022.29.1.4>

Abstract. *Declining an invitation is an important speech act to be mastered by second language speakers. This study was conducted with the aim of elaborating the invitation refusal strategies used by native speakers of Malay (MNSs) and Japanese (JNSs) as well as clarifying the “politeness effects” on the strategies used by the MNSs in Japanese. The data collection methods utilised in this study were open role-play through social networking services followed by post-task interviews. The study compared the order of semantic formulas and the usage of emojis between 20 MNSs and 20 JNSs. Comparisons were made in both native and intercultural contexts. The politeness effects were discussed based on Discourse Politeness Theory. The results showed that there was no significant difference between native contexts and intercultural contexts in terms of the order of semantic formulas and the usage of emojis. None of the cases produced a negative-politeness effect in this study although two cases were considered pragmatic transfers. This study has proved that strategies that differ from the target language norm do not necessarily affect smooth communication in intercultural interactions; instead, they are still acceptable upon cooperation between the sender and the recipient of the message.*

Keywords and phrases: *declining an invitation, order of semantic formulas, emoji, intercultural communication, social networking service*

Abstrak. Penolakan ajakan merupakan suatu lakuan bahasa yang penting dikuasai oleh penutur bahasa kedua. Kajian ini dijalankan bertujuan menghuraikan strategi penolakan ajakan yang diambil oleh penutur natif bahasa Melayu (MNS) dan penutur natif bahasa Jepun (JNS) serta menerangkan “kesan kesantunan” terhadap strategi yang diambil oleh MNS dalam bahasa Jepun. Kaedah pengutipan data yang diterapkan dalam kajian ini ialah lakonan terbuka melalui perkhidmatan rangkaian sosial diikuti temu bual pasca lakonan. Kajian dijalankan dengan membandingkan susunan formula semantik serta purata penggunaan emoji dalam kalangan 20 orang MNS dan 20 orang JNS. Perbandingan dilakukan bagi kedua-dua konteks bahasa ibunda dan konteks silang budaya. Kesan kesantunan dibincangkan berasaskan Teori Kesantunan Wacana. Kajian ini mendapati bahawa tiada perbezaan yang ketara antara konteks bahasa ibunda dengan konteks silang budaya dari segi susunan formula semantik mahupun purata penggunaan emoji. Tiada sebarang kes yang menghasilkan kesan kesantunan negatif dalam kajian ini walaupun dua kes dianggap sebagai pemindahan pragmatik. Kajian ini telah membuktikan bahawa strategi yang berlainan daripada norma bahasa sasaran tidak semestinya menjejaskan komunikasi yang lancar dalam interaksi antara budaya, sebaliknya strategi tersebut masih dapat diterima hasil daripada kerjasama antara penghantar mesej dengan penerima mesej.

Kata kunci dan frasa: penolakan ajakan, susunan formula semantik, emoji, komunikasi silang budaya, perkhidmatan rangkaian sosial

Pengenalan

Teknologi maklumat dan komunikasi berkembang pesat dari tahun ke tahun, dan fenomena ini telah mengubah komunikasi tidak bersemuka secara drastik. Bagi masyarakat moden, perkhidmatan rangkaian sosial seperti aplikasi WhatsApp menjadi alat komunikasi yang amat popular dalam masyarakat digital. Namun begitu, strategi penolakan ajakan yang menggunakan alat komunikasi tersebut kurang diberi fokus dalam kajian sebelum ini, bertentangan dengan kajian penolakan ajakan yang menganalisis data komunikasi bersemuka. Sepanjang pengetahuan penulis, hanya Hieda, Nor Hashimah dan Mohammad Fadzeli (2021) menjalankan kajian tentang penolakan ajakan dalam bahasa Melayu dengan data komunikasi tidak bersemuka. Oleh yang demikian, kajian yang menganalisis komunikasi melalui peralatan terkini penting untuk dijalankan bagi menonjolkan cara komunikasi semasa yang lebih realistik bagi pengguna internet.

Kajian ini memfokuskan salah satu lakuan bahasa yang penting dikuasai oleh penutur bahasa kedua, iaitu “penolakan ajakan”. Kajian ini mendefinisikan ajakan sebagai “perlakuan yang menggalakkan penerima mesej untuk bertindak bersama-sama bagi melakukan sesuatu yang bermanfaat oleh penghantar mesej” dengan mengikut definisi Huang (2015). Penolakan ajakan pula dianggap sebagai

lakukan komunikasi yang kompleks dan sukar dilaksanakan kerana kehendak pengajak tidak dapat dipenuhi dengan penolakan. Oleh yang demikian, pelbagai langkah diperlukan bagi penolakan ajakan untuk memulihkan keseimbangan antara interlokutor (Fujimori 1995). Penolakan ajakan yang dilakukan dalam bahasa kedua pula memerlukan lebih perhatian untuk mengelakkan salah faham dan kegagalan komunikasi dalam suasana silang budaya (Laohaburanakit 1995).

Sebagai satu contoh salah faham berkenaan penolakan ajakan dalam komunikasi silang budaya, Szatrowski (1993) menceritakan pengalaman beliau sendiri dalam sebuah buku tulisannya. Beliau pernah menjemput seorang rakan yang berasal dari Jepun untuk makan malam di rumah beliau. Pada hari janji temu, beliau menyediakan makanan dan menunggu rakan Jepun beliau datang, namun rakannya itu tidak hadir pun ke janji temu tersebut. Pada masa itu, beliau berasa marah dan menyangka rakannya itu merupakan seseorang yang tidak menepati janji. Namun hakikatnya, beliau tidak dapat memahami dengan tepat strategi penolakan ajakan tersirat yang digunakan oleh rakannya itu.

Oleh itu, kajian yang menumpukan perbezaan perlakuan bahasa berdasarkan komponen dan susunan ujaran antara penutur natif dengan penutur bukan natif adalah amat penting dalam mempertimbangkan komunikasi yang berkesan (Kumagai 2000). Iwata et al. (2018) pula menegaskan bahawa analisis tentang perbezaan dan persamaan antara bahasa yang berlainan memberi peluang untuk mengetahui dan memahami budaya, masyarakat dan orang di belakangnya, yang mungkin tidak disedari melalui analisis satu bahasa.

Walaupun demikian, penjelasan tentang perbezaan antara penutur natif dengan penutur bukan natif sahaja kurang memadai untuk menjayakan komunikasi silang budaya yang lancar. Dalam erti kata lain, cara untuk mengisi jurang akibat perbezaan tersebut perlu dipertimbangkan secara lebih terperinci (Hieda, Nor Hashimah dan Mohammad Fadzeli 2021). Sebagai langkah selanjutnya bagi mencapai matlamat tersebut, kajian ini penting dilakukan bertujuan menghuraikan strategi yang diambil oleh penutur bukan natif serta menerangkan cara penutur natif menilai strategi tersebut.

Tambahan lagi, kajian tentang cara penggunaan bahasa Jepun oleh orang Malaysia masih terhad seperti yang telah dilakukan oleh Date (2006), Hieda, Nor Hashimah dan Mohammad Fadzeli (2021) dan Ito (2002) walaupun pendidikan bahasa Jepun di Malaysia sudah lama dilaksanakan oleh banyak institusi dalam pelbagai bidang dan sektor. Menurut data yang dipaparkan oleh The Japan Foundation (2020), bilangan pelajar bahasa Jepun sebagai bahasa kedua/

asing di Malaysia adalah yang kesepuluh terbesar di dunia. Kerajaan Malaysia juga telah menghantar lebih daripada 16,000 orang pelajar atau pelatih ke negara Jepun atas perancangan Dasar Pandang ke Timur. Dasar tersebut dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk mempelajari etika kerja, cara pengurusan, disiplin dan dedikasi dari negara di Asia Timur (Embassy of Japan in Malaysia 2021). Hasil kajian ini boleh menjadi rujukan bagi para pengajar dan pelajar bahasa kedua untuk menguasai kecekapan pragmatik dengan lebih berkesan.

Sehubungan dengan hal tersebut, kajian ini menumpukan kepada strategi penolakan ajakan yang diambil oleh penutur natif bahasa Melayu (selepas ini disebut sebagai MNS) dan penutur natif bahasa Jepun (selepas ini disebut sebagai JNS). Data wacana dianalisis dari dua perspektif, iaitu susunan formula semantik dan purata penggunaan emoji yang kurang diperhatikan dalam kajian lampau. Hieda, Nor Hashimah dan Mohammad Fadzeli (2021) telah membincangkan strategi penolakan ajakan dari perspektif “kekerapan penggunaan formula semantik” dan “purata penggunaan formula semantik per kapita”, maka artikel ini boleh dianggap sebagai kesinambungan bagi Hieda, Nor Hashimah dan Mohammad Fadzeli (2021). Kajian ini juga membandingkan strategi penolakan ajakan dalam kalangan MNS dan JNS bagi kedua-dua konteks, iaitu konteks bahasa ibunda (konteks antara penutur natif dengan satu sama lain) dan konteks silang budaya (konteks antara penutur natif dengan penutur bukan natif). Di samping itu, kajian ini juga menerangkan “kesan kesantunan”, iaitu bagaimana sesuatu ujaran dinilai oleh penerima mesej. Kesan kesantunan dibincangkan berlandaskan Teori Kesantunan Wacana (*Discourse Politeness Theory*) (Usami 2003, 2006).

Sorotan Karya

Bahagian ini menumpukan kepada kajian lampau yang berkait rapat dengan dua perspektif, iaitu susunan formula semantik dan penggunaan informasi visual. Artikel ini menggunakan formula semantik yang disenaraikan dalam Hieda, Nor Hashimah dan Mohammad Fadzeli (2021) dengan memaparkan formula semantik dalam kurungan { }. Sebagai tambahan, Hieda, Nor Hashimah dan Mohammad Fadzeli (2021) membahagikan {sebab} kepada dua, iaitu {sebab konkrit} dan {sebab kabur}, namun dua jenis formula semantik tersebut digabungkan sebagai {sebab} dalam artikel ini. Hal ini kerana kajian ini memberi tumpuan kepada “susunan”, bukan “kandungan” formula semantik.

Kajian lampau tentang susunan formula semantik

Bahagian ini memfokuskan tiga jenis formula semantik, iaitu {sebab} (Contoh: “Saya nak balik kampung”), {keputusan} (Contoh: “Tak dapat pergi”) dan {permohonan maaf} (Contoh: “Maaf”) yang biasa digunakan dalam wacana penolakan ajakan.

Formula semantik {sebab} dan {keputusan} menjadi unsur yang wajib untuk menyampaikan niat penolakan dalam wacana ajakan (Mekkreangkrai 2013). Namun begitu, {keputusan} sering digugurkan dalam data MNS mahupun JNS (Ito 2002; Laohaburanakit 1995; Maryam dan Wu 2012). Sekiranya {keputusan} tidak digugurkan, {sebab} kerap didahulukan sebelum {keputusan} dalam bahasa Melayu mahupun bahasa Jepun (Ito 2002; Laohaburanakit 1995). JNS lebih cenderung untuk mengambil strategi yang meminta pendengar meneka {keputusan} sambil mendengar {sebab} (Peng 1990).

Penggunaan atau pengguguran {keputusan} berbeza mengikut budaya masing-masing. Misalnya, pengguguran {keputusan} dalam bahasa Cina dan bahasa Rusia dianggap sebagai kurang sopan dan tidak bertanggungjawab (Okamoto et al. 2003). Oleh yang demikian, orang Cina kadangkala berasa tidak berpuas hati terhadap strategi penolakan JNS yang tidak menyatakan {keputusan} dengan jelas (Liu 2015).

Dari segi susunan formula semantik antara {sebab} dengan {keputusan}, Peng (1990) melaporkan hasil satu tinjauan dan membuktikan bahawa lebih daripada 80% responden JNS menyatakan {sebab} dahulu sebelum {keputusan}, manakala lebih daripada 70% responden Cina menyatakan {keputusan} dahulu sebelum {sebab}.

Seterusnya, hubungan antara formula semantik {sebab} dengan {permohonan maaf} diberi perhatian. Dua jenis formula semantik {sebab} dan {permohonan maaf} kerap digunakan oleh MNS dan JNS, dan menjadi elemen yang utama dalam wacana penolakan ajakan apabila {keputusan} digugurkan (Ito 2002; Maryam dan Wu 2012).

Sungguhpun demikian, kekerapan penggunaan {permohonan maaf} juga berbeza mengikut budaya. Misalnya, orang Thai kurang memberikan {permohonan maaf} kerana penolakan ajakan bukan perlakuan yang salah bagi mereka (Mekkreangkrai 2013). Formula semantik {permohonan maaf} juga kerap digugurkan apabila penutur JNS memberitahu penolakan kepada orang bawahan yang lebih muda (Yamano 2007).

Dari sudut susunan formula semantik antara {sebab} dengan {permohonan maaf}, {permohonan maaf} kerap digunakan sebelum {sebab} oleh kedua-dua kumpulan MNS dan JNS (Fujimori 1995; Ito 2002; Maryam dan Wu 2012; Yamano 2007). Fujimori (1995) turut mengatakan bahawa susunan “{permohonan maaf} + {sebab}” ini menunjukkan sikap penutur yang tidak ingin menyinggung perasaan pendengar.

Sebagai susunan formula semantik dalam bahasa kedua, susunan formula semantik yang diambil oleh MNS dalam bahasa Jepun tidak menunjukkan perbezaan dengan bahasa ibunda informan (Ito 2002). Sebaliknya, Suzuki (2011) menemui pemindahan pragmatik dari bahasa Cina ke bahasa Jepun dari segi susunan formula semantik sewaktu responden berbangsa Cina berinteraksi dalam bahasa Jepun dengan JNS yang rapat.

Kajian lampau tentang penggunaan informasi visual

Satu ciri yang khusus dalam komunikasi tidak bersemuka ialah penggunaan informasi visual seperti emoji (Contoh: 😊 dan 🎁), emotikon (Contoh: (^_^) dan (-_-;)) dan *sticker* (ilustrasi yang disediakan oleh aplikasi). Bahagian ini merumuskan dapatan berkenaan penggunaan informasi visual dalam komunikasi tidak bersemuka.

Dari perspektif kekerapan penggunaan informasi visual, telah didapati bahawa golongan perempuan lebih kerap menggunakan item berkenaan berbanding golongan lelaki (Arai 2011; Saiki 2012), golongan lelaki memperbanyakkan penggunaan informasi visual sekiranya penerima mesej adalah perempuan (Arai 2011), kekerapan penggunaan informasi visual menjadi sedikit sekiranya mesej dihantar kepada orang atasan (Igarashi dan Itoi 2004) serta ekspresi wajah kerap digunakan (Saiki 2012).

Merujuk perbezaan antara budaya yang berlainan terhadap penggunaan informasi visual, terdapat tinjauan yang menyimpulkan bahawa JNS lebih kerap menggunakan informasi visual berbanding orang Korea dan orang Thai (Arai 2011; Skulkru 2019). Sementara itu, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa responden Thai lebih kerap menggunakan *sticker* aplikasi LINE berbanding JNS (Skulkru 2019).

Berkenaan dengan persepsi penerima mesej pula, penggunaan informasi visual boleh menambah imej yang mesra dan positif secara keseluruhan (Kitamura dan Sato 2009). Namun begitu, penggunaan informasi visual tidak selalunya diterima secara positif oleh penerima mesej. Misalnya, terdapat komen yang positif

terhadap penggunaan informasi visual seperti “Emoji membantu untuk menyampaikan emosi penyesalan dengan lebih berkesan”, namun terdapat juga komen yang negatif seperti “Keikhlasan lebih dapat disampaikan sekiranya emoji tidak disertakan” (Igarashi dan Itoi 2004). Harada (2004) turut berpendapat bahawa penggunaan informasi visual boleh menyampaikan persahabatan manakala tanpa penggunaan informasi visual pula menunjukkan sikap yang lebih formal dan sopan. Selain itu, imej terhadap penggunaan informasi visual lebih bergantung pada “kekerapan penemuan” dalam kehidupan seharian, bukan “usia” penerima mesej semata-mata (Arakawa, Nakatani dan Sato 2006).

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, penggunaan strategi penolakan ajakan dalam bahasa Jepun oleh MNS daripada dua perspektif tersebut masih kurang jelas dalam kajian lampau. Kesan kesantunan daripada dua perspektif tersebut juga belum dibincangkan dalam kajian lampau.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menghuraikan penggunaan strategi penolakan ajakan oleh MNS dan JNS serta menerangkan kesan kesantunan bagi strategi dalam bahasa Jepun yang diambil oleh MNS.

Berlandaskan objektif kajian yang diutarakan tersebut, kajian ini membandingkan strategi penolakan ajakan dalam kalangan MNS dan JNS dari dua perspektif, iaitu susunan formula semantik dan purata penggunaan emoji. Perbandingan tersebut turut dilakukan bagi kedua-dua konteks bahasa ibunda dan konteks silang budaya. Kajian ini turut membincangkan kesan kesantunan berasaskan Teori Kesantunan Wacana (Usami 2003, 2006). Dua persoalan bagi kajian ini boleh dirumuskan seperti berikut:

Persoalan 1: Bagaimanakah MNS dan JNS menggunakan strategi penolakan ajakan?

- i. Adakah susunan formula semantik berlainan antara MNS dengan JNS?
- ii. Adakah purata penggunaan emoji berlainan antara MNS dengan JNS?

Persoalan 2: Apakah kesan kesantunan tentang strategi dalam bahasa Jepun yang diambil oleh MNS?

Metodologi

Kaedah pengumpulan data

Kajian ini telah mengutip data wacana di Malaysia mulai bulan Mac hingga Mei 2019. Informan bagi kajian ini ialah seramai 20 orang MNS dan 20 orang JNS. Tanaka (1998) menyatakan bahawa saiz sampel minimum untuk melakukan anggaran statistik ialah 20 hingga 30 sampel bagi anggaran varian dalam populasi, dan 10 hingga 15 sampel bagi anggaran nilai min dalam populasi. Maka, saiz sampel kajian ini memenuhi syarat minimum untuk melakukan analisis statistik yang akan diterangkan dalam bahagian hasil kajian.

Kajian ini menyasarkan informan perempuan sahaja untuk mengelakkan pengaruh daripada faktor jantina. Golongan perempuan juga dikenali sebagai jantina yang lebih berusaha untuk mengelakkan konflik berbanding golongan lelaki (Jang 2017). Usia informan ditetapkan hanya dari 25 tahun sehingga 30-an tahun untuk mengehadkan pengaruh faktor usia. Informan MNS terdiri daripada bekas pelajar antarabangsa di universiti atau kolej Jepun atas biasiswa kerajaan Malaysia untuk mengurangkan masalah berkaitan pengetahuan leksikal dan tatabahasa dalam bahasa Jepun yang terhad. Selain itu, kajian ini memilih informan termasuk JNS yang tinggal di Malaysia sahaja sewaktu kajian ini dijalankan kerana informan boleh menetapkan kandungan ajakan dengan lebih realistik mengikut keadaan kawasan kediaman sendiri. Artikel ini menandakan informan MNS dengan M01–M20 serta menandakan informan JNS sebagai J01–J20. Pasangan dalam konteks silang budaya merupakan nombor yang sama seperti M01 dan J01.

Kaedah lakonan terbuka menerusi aplikasi perkhidmatan rangkaian sosial (*social networking service*, selepas ini disebut sebagai SNS) telah diterapkan untuk mengutip data bagi kajian ini. Menurut Tran (2006), kaedah lakonan dapat mengutip data yang lebih panjang dan terperinci, data yang mengandungi lebih banyak strategi serta data yang merangkumi ciri wacana seperti pertukaran giliran, berbanding kaedah soal selidik dan kaedah Tugas Penyempurnaan Wacana. Houck dan Gass (1996) menyimpulkan bahawa lakonan terbuka boleh mendapatkan data yang paling hampir serupa dengan perlakuan bahasa yang semula jadi berbanding pelbagai kaedah empirikal yang lain.

Kad arahan digunakan supaya informan dapat mengajak dan menolak secara alamiah berdasarkan situasi yang ditetapkan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Situasi ajakan yang ditunjukkan dalam kad arahan ialah situasi yang biasa

dihadapi dalam komuniti Melayu dan Jepun. Set kad arahan ditunjukkan dalam bahasa Jepun dengan disertakan terjemahan dalam bahasa Melayu.

A Pihak B adalah rakan anda.

Anda ingin mengajak pihak B untuk datang ke parti di rumah anda pada hari Ahad depan.

Anda hendaklah menghantar mesej kepada pihak B melalui SNS.

B Pihak A adalah rakan anda.

Anda diajak untuk datang ke parti di rumah pihak A.

Tetapi, anda mempunyai rancangan lain pada hari yang sama.

Anda hendaklah menjawab mesej daripada pihak A.

Rajah 1. Kad arahan

Dalam sesi lakonan, setiap pasangan diminta untuk memainkan kedua-dua peranan pengajak dan penolak dalam konteks bahasa ibunda. Selepas itu, setiap pasangan juga berinteraksi dalam konteks silang budaya dengan memainkan kedua-dua peranan pengajak dan penolak. Pengkaji menetapkan pasangan secara rawak serta meminta semua informan untuk bertindak seperti biasa.


Sesi temu bual pasca lakonan disediakan selepas sesi lakonan dalam konteks silang budaya. Temu bual dibentuk sebagai semi-struktur, dan bahagian yang dirasakan kurang sopan atau kurang selesa diberi tumpuan untuk menentukan kesan kesantunan. Data wacana serta data temu bual direkodkan secara bertulis dalam bentuk SNS.

Lakonan MNS bersama MNS dijalankan dalam bahasa Melayu menerusi aplikasi WhatsApp yang popular dalam kalangan informan. Sedangkan, lakonan JNS bersama JNS serta lakonan MNS bersama JNS pula dijalankan dalam bahasa Jepun melalui aplikasi LINE yang lebih popular dalam kalangan informan JNS. Sedikit perbezaan ditemui terhadap dua aplikasi tersebut (Contoh: koleksi *sticker* lebih banyak disediakan dalam aplikasi LINE), namun kedua-dua aplikasi tersebut mempunyai fungsi yang sama, iaitu boleh menghantar mesej percuma yang dipaparkan dalam gelembung ucapan. Oleh yang demikian, data yang dikutip dengan menggunakan dua aplikasi tersebut diperhatikan untuk penganalisan data dalam kajian ini.

Pendekatan kajian

Kajian ini menerangkan kesan kesantunan berasaskan kerangka dalam Teori Kesantunan Wacana (seterusnya disebut sebagai TKW) (Usami 2003, 2006). Teori tersebut dianggap sebagai versi yang lanjut bagi Teori Kesantunan yang dibangunkan oleh Brown dan Levinson (1987). Pendekatan serta pandangan yang tersendiri diperkenalkan dalam TKW. Terutamanya, TKW menganalisis data ke tahap wacana, bukan hanya memfokuskan sesuatu ujaran. TKW juga mempertimbangkan pandangan kedua-dua penutur dan pendengar.

Rajah 2 memaparkan hubungan antara tiga konsep yang penting dalam Model TKW, iaitu “julat perbezaan anggaran”, “kepatutan perlakuan” serta “kesan kesantunan”.



Rajah 2. Model TKW
Sumber: Usami (2003, 128)

Nota:

Julat perbezaan anggaran (Nilai De): $De = Se - He$

Se: Anggaran “tahap pengancaman air muka oleh penutur” yang dibuat oleh penutur.

Nilai berangka antara 0 hingga 1 secara tentatif.

He: Anggaran “tahap pengancaman air muka oleh penutur” yang dibuat oleh pendengar.

Nilai berangka antara 0 hingga 1 secara tentatif.

α: Lebar pergeseran yang dibenarkan.

Konsep asas “air muka” dan “kesantunan” dalam Teori Kesantunan diwarisi dalam TKW. Menurut Usami (2003), konsep “air muka” diterangkan sebagai keinginan yang diperolehi oleh semua manusia secara sejagat. “Air muka positif” ialah keinginan untuk mendekatkan diri dengan lawan tutur secara psikologi, iaitu keinginan untuk difahami, keinginan untuk diminati, keinginan untuk dipuji, keinginan untuk dijadikan ahli kumpulan dan sebagainya. Sebaliknya, “air muka negatif” merupakan keinginan untuk menjauhkan diri dari lawan tutur secara psikologi, iaitu keinginan untuk tidak dikekang, keinginan untuk tidak diganggu

dan sebagainya. Konsep “kesantunan” pula didefinisikan sebagai perlakuan yang memuaskan atau mengancam dua jenis air muka tersebut. “Strategi kesantunan positif” berkaitan dengan strategi yang menjaga air muka positif, manakala “strategi kesantunan negatif” berhubung dengan strategi yang menjaga air muka negatif.

Anggaran tentang “tahap pengancaman air muka oleh penutur” yang berbeza antara penutur dengan pendengar menghasilkan kesan kesantunan dalam Model TKW tersebut. Suatu perlakuan dapat dinilai positif atau neutral oleh pendengar sebagai “perlakuan patut”, jikalau sesuatu “Nilai De” sesuai untuk menduduki dalam “julat toleransi ($0 \pm \alpha$)”.

Sebagai contoh “kesan negatif” dalam suasana silang budaya, Usami (2003) menerangkan lakuan “penolakan pujian” antara orang Jepun dengan orang Korea. Menurut beliau, orang Jepun lebih cenderung untuk menafikan pujian manakala orang Korea lebih bersetuju dengan pujian yang diberikan. Oleh itu, sekiranya tindak balas orang Korea dipraktikkan dalam bahasa Jepun, pendengar Jepun akan memberi penilaian yang negatif terhadap ujaran orang Korea dengan menginterpretasikannya sebagai “tidak merendah diri” dan “berlagak”. Sementara itu, tindak balas orang Jepun juga boleh dinilai secara negatif oleh pendengar Korea dengan diinterpretasikan sebagai “tidak jujur” dan “suka menipu”.

Kaedah penganalisan data

Kajian ini membahagikan data wacana kepada lima, iaitu “bahagian permulaan”, “bahagian ajakan”, “bahagian penolakan”, “bahagian ajakan semula” dan “bahagian penutup” berdasarkan pengelasan yang ditunjukkan oleh Nakagaki (2015). Kemudian, setiap ujaran dalam tiga bahagian (“bahagian ajakan”, “bahagian penolakan” dan “bahagian ajakan semula”) yang dihasilkan oleh penolak ditandakan dengan formula semantik. Proses penandaan formula semantik dilaksanakan mengikut Hieda, Nor Hashimah dan Mohammad Fadzeli (2021).

Artikel ini memberi tumpuan kepada susunan formula semantik. Susunan formula semantik dianalisis dari dua perspektif, iaitu Kategori A dan Kategori B seperti yang berikut. Kategori A ialah susunan formula semantik di antara {keputusan} dengan {sebab}. Hal ini kerana terdapat risiko yang tinggi untuk mengancam air muka penerima mesej apabila {keputusan} dinyatakan terlebih dahulu dalam bahasa Jepun, seperti yang telah ditegaskan oleh Peng (1990). Kategori A terdiri daripada lima anggota seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Susunan formula semantik antara {keputusan} dengan {sebab}

Kategori A	Susunan
A-1	{keputusan} + {sebab}
A-2	{sebab} + {keputusan}
A-3	{keputusan} sahaja
A-4	{sebab} sahaja
A-5	Tiada kedua-duanya

Seterusnya, Kategori B ialah susunan formula semantik antara {permohonan maaf} dengan {sebab}. Kedua-dua formula semantik tersebut merupakan elemen utama dalam wacana penolakan bahasa Melayu mahupun bahasa Jepun (Ito 2002). Susunan “{permohonan maaf} + {sebab}” juga paling kerap ditemui dalam kajian lampau yang menganalisis data MNS dan JNS (Ito 2002; Maryam dan Wu 2012). Namun demikian, perbandingan susunan formula semantik ini turut dijalankan untuk mengesahkan sama ada kecenderungan yang sama dengan kajian lampau didapati atau tidak dalam kajian ini. Kategori B juga terdiri daripada lima anggota seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2. Susunan formula semantik antara {permohonan maaf} dengan {sebab}

Kategori B	Susunan
B-1	{permohonan maaf} + {sebab}
B-2	{sebab} + {permohonan maaf}
B-3	{permohonan maaf} sahaja
B-4	{sebab} sahaja
B-5	Tiada kedua-duanya

Perbandingan susunan formula semantik dihuraikan secara deskriptif berdasarkan kekerapan dan puratanya disebabkan oleh jumlah informan yang agak kecil dan terhad.

Seterusnya, kaedah penganalisan terhadap purata penggunaan emoji diperhatikan. Emoji (contoh: 😊 dan 🎁) tidak diambil kira sebagai formula semantik, sebaliknya item ini dianalisis secara berasingan sebagai informasi visual dalam artikel ini. Emoji dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu [wajah positif], [wajah negatif] dan [lain-lain] dalam kajian ini. Jenis emoji dipaparkan dengan kurungan [] dalam artikel ini.

Emoji wajah yang merupakan emosi positif seperti kegembiraan atau keseronokan dikategorikan sebagai [wajah positif] (Contoh: 😄, 😁, 😂, 😃, 😄, 😁, 😂, 😃), manakala emoji wajah yang merupakan emosi negatif seperti kesedihan atau kerisauan dikategorikan sebagai [wajah negatif] (Contoh: 😞, 😟, 😠, 😡, 😞, 😟, 😠, 😡). Muka haiwan juga dimasukkan dalam dua jenis emoji wajah tersebut (Contoh: 🐱 = [wajah negatif]). Emoji simbol (bukan wajah) (Contoh: 🙏, 🤖, 🎁, 📺) dikumpulkan sebagai [lain-lain]. Emoji wajah yang sukar dikategorikan dalam dua jenis emoji wajah tersebut (Contoh: 😐, 😑) juga dikategorikan sebagai [lain-lain] disebabkan oleh kekerapan penggunaan yang amat kecil.

Jumlah keseluruhan diambil kira bagi penghitungan kekerapan penggunaan emoji supaya dapat menggambarkan kuantiti yang digunakan oleh informan. Kajian ini menggunakan Ujian-*t* Welch bagi dua sampel bebas untuk memeriksa kewujudan perbezaan signifikan antara dua kumpulan yang dibandingkan. Kajian ini menetapkan aras signifikan dua hujung sebagai 0.05. Sekiranya nilai signifikan (*p*) lebih besar daripada 0.05, keadaan ini bererti perbezaan signifikan tidak wujud antara dua kumpulan yang dibandingkan. Bagi analisis Ujian-*t*, saiz kesan (*effect sizes*) turut disertakan untuk menunjukkan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah yang tidak berubah mengikut saiz sampel (Mizumoto dan Takeuchi 2008). Menurut mereka lagi, saiz kesan *d* yang berangka 0.20 menunjukkan kesan yang kecil, 0.50 pula bagi kesan yang sederhana dan 0.80 ialah kesan yang besar.

Penggunaan emotikon (contoh: (^_^) dan (-_-;)) dan *sticker* pula tidak dianalisis dalam artikel ini kerana kedua-duanya hanya digunakan oleh kurang daripada 10% informan MNS mahupun JNS.

Sekiranya strategi yang diambil oleh MNS dalam konteks silang budaya mirip dengan MNS dalam konteks bahasa ibunda, tetapi berlainan dengan JNS, strategi tersebut boleh ditafsirkan sebagai “pemindahan pragmatik”, iaitu pengaruh daripada bahasa ibunda ke bahasa sasaran. Sementara itu, strategi yang diambil oleh MNS dalam konteks silang budaya mirip dengan JNS, tetapi berlainan dengan MNS dalam konteks bahasa ibunda, strategi tersebut pula boleh diiktiraf sebagai “akomodasi”, iaitu penyesuaian diri dengan norma dalam bahasa sasaran.

Selain tu, kajian ini turut menerangkan kesan kesantunan terhadap strategi dalam bahasa Jepun yang diambil oleh MNS berlandaskan TKW. Sekiranya penerima mesej berasa kurang sopan atau kurang selesa terhadap sesuatu ujaran, kesan kesantunan terhadap ujaran tersebut disahkan sebagai “kesan negatif”. Selain itu, sekiranya sesuatu strategi tidak mendapat sebarang komen daripada penerima mesej, keadaan tersebut dianggap sebagai “kesan neutral” dalam kajian ini.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Perbandingan susunan formula semantik

Perbandingan susunan formula semantik dalam konteks bahasa ibunda

Jadual 3 menunjukkan hasil perbandingan dari segi susunan formula semantik antara {keputusan} dengan {sebab} dalam konteks bahasa ibunda.

Jadual 3. Perbandingan susunan formula semantik antara {keputusan} dengan {sebab} dalam konteks bahasa ibunda

Kategori A	Susunan	MNS <i>n</i> (%)	JNS <i>n</i> (%)
A-1	{keputusan} + {sebab}	4 (20)	–
A-2	{sebab} + {keputusan}	5 (25)	7 (35)
A-3	{keputusan} sahaja	–	2 (10)
A-4	{sebab} sahaja	11 (55)	11 (55)
A-5	Tiada kedua-duanya	–	–
	Jumlah	20 (100)	20 (100)

Persamaan dalam kalangan MNS dan JNS terlihat pada penggunaan formula semantik {sebab} sahaja tanpa {keputusan}. Penggunaan formula semantik ini lebih banyak berbanding penggunaan kedua-dua {sebab} dan {keputusan}. Susunan “{sebab} + {keputusan}” juga kedua paling banyak ditemui bagi kedua-dua kumpulan MNS dan JNS. Hal ini selaras dengan kajian lampau (Laohaburanakit 1995).

Namun begitu, perbezaan antara MNS dengan JNS juga ditemui, iaitu susunan “{keputusan} + {sebab}” dijumpai sebanyak empat kali dalam data MNS seperti contoh yang berikut, tetapi tiada dalam data JNS. Nama informan digantikan dengan “XXX” dalam artikel ini.

Informan M07

alamak	{kata seru negatif}
XXX	{panggilan}
xfree ahad depan	{keputusan}
g perakk	{sebab}
ada kellies castle run	{sebab tambahan}

Penggunaan susunan “{keputusan} + {sebab}” tersebut menunjukkan sikap individu yang lebih mementingkan penyampaian {keputusan} secara langsung dalam interaksi dengan rakan setaraf. Walaupun begitu, informan M07 tersebut menyatakan {kata seru negatif} dan {panggilan} sebelum {keputusan} untuk mengurangkan tahap pengancaman air muka.

Sebagai tambahan, terdapat juga dua orang JNS yang hanya menyatakan {keputusan} tetapi tidak menyatakan sebarang {sebab} seperti contoh yang berikut. Bagi data dalam bahasa Jepun, notasi dalam huruf Rumi dan terjemahan dalam bahasa Melayu disertakan di sebelah kanan ujaran bahasa Jepun yang asal berserta formula semantik di hujung contoh tersebut.

Informan J10

めっちゃ行きたいね んけど、	<i>Metcha ikitai nen kedo</i>	(Saya betul-betul nak pergi.)	{reaksi positif}
その日あかんねん。	<i>Sono hi akan nen</i>	(tapi hari tu saya tak dapat.)	{keputusan}
残念すぎる、かなしい。	<i>Zannen sugiru, kanashii</i>	(Saya sangat kecewa dan sedih.)	{kesedihan}

Dalam contoh tersebut, informan J10 menekankan minat dan emosi sedih dengan menggunakan formula semantik {reaksi positif} dan {kesedihan} sebelum dan selepas pernyataan {keputusan}. Informan J10 juga menggunakan bahasa dialek kawasan barat Jepun seperti *akan nen* (tak dapat) dengan menekankan persahabatan antara interlokutor. Tiada sebarang {sebab} bagi data JNS ini boleh dikaitkan dengan konsep Szatrowski (1993), iaitu tujuan utama bagi pihak yang diajak adalah untuk bertindak balas dengan membuat keputusan sama ada menerima atau menolak ajakan. Sekiranya konsep tersebut dipertimbangkan, maka boleh dikatakan bahawa JNS lebih cenderung untuk berorientasikan pertukaran mesej yang lebih pendek dan ringkas dengan mengutamakan pencapaian tujuan utama.

Seterusnya, Jadual 4 pula menunjukkan hasil perbandingan terhadap susunan formula semantik antara {permohonan maaf} dengan {sebab} dalam konteks bahasa ibunda.



Jadual 4. Perbandingan susunan formula semantik antara {permohonan maaf} dengan {sebab} dalam konteks bahasa ibunda

Kategori B	Susunan	MNS n (%)	JNS n (%)
B-1	{permohonan maaf} + {sebab}	7 (35)	3 (15)
B-2	{sebab} + {permohonan maaf}	5 (25)	6 (30)
B-3	{permohonan maaf} sahaja	–	–
B-4	{sebab} sahaja	8 (40)	9 (45)
B-5	Tiada kedua-duanya	–	2 (10)
	Jumlah	20 (100)	20 (100)

Kedua-dua kumpulan MNS dan JNS kerap menyatakan {permohonan maaf} (12 orang MNS dan 9 orang JNS). Yang menariknya, susunan “{sebab} + {permohonan maaf}” lebih banyak ditemui daripada susunan “{permohonan maaf} + {sebab}” dalam data JNS. Dapatan ini bertentangan dengan Ito (2002) yang menyatakan bahawa JNS kerap menyatakan {permohonan maaf} dahulu sebelum {sebab}. Sungguhpun begitu, perbezaan kaedah antara kajian ini dengan kajian Ito (2002) juga perlu dipertimbangkan kerana Ito (2002) menasarkankan pelajar universiti sebagai informan serta menetapkan situasi ajakan untuk “menyertai parti” dan “bersia-siar”.

Sekiranya susunan “{sebab} + {permohonan maaf}” oleh JNS diperhatikan secara terperinci, formula semantik {reaksi positif} didahulukan bagi semua kes susunan tersebut seperti dalam contoh yang seterusnya. Pendek kata, penggunaan formula semantik yang lain dengan jelasnya mempengaruhi susunan antara dua jenis formula semantik yang dibandingkan.

Informan J01

超絶行きたい～ 	<i>Choozetsu ikitaii</i>	(Nak sangat pergi.	{reaksi positif}
が、しかし。。	<i>Ga, shikashi</i>	Tapi...)	
子供の水泳教室 あるんよー	<i>Kodomo no suiee- kyooshitsu aru n yoo</i>	(Anak saya ada kelas renang pula.)	{sebab}
ごめんごめん 	<i>Gomen gomen</i>	(Maaf.)	{permohonan maaf}

Terdapat juga dua kes JNS yang tidak menyatakan kedua-dua {permohonan maaf} dan {sebab}. Kedua-dua kes ini adalah sama dengan kes yang hanya menyatakan {keputusan} tanpa {sebab} dalam Jadual 3 berkenaan.

Perbandingan susunan formula semantik dalam konteks silang budaya

Jadual 5 merupakan hasil yang didapati melalui perbandingan dari segi susunan formula semantik antara {keputusan} dengan {sebab} dalam konteks silang budaya.

Jadual 5. Perbandingan susunan formula semantik antara {keputusan} dengan {sebab} dalam konteks silang budaya

Kategori A	Susunan	MNS <i>n</i> (%)	JNS <i>n</i> (%)
A-1	{keputusan} + {sebab}	1 (5)	–
A-2	{sebab} + {keputusan}	4 (20)	6 (30)
A-3	{keputusan} sahaja	2 (10)	1 (5)
A-4	{sebab} sahaja	13 (65)	13 (65)
A-5	Tiada kedua-duanya	–	–
	Jumlah	20 (100)	20 (100)

Terdapat kecenderungan yang sama dengan konteks bahasa ibunda. Informan yang menyatakan {sebab} tanpa {keputusan} paling banyak ditemui dalam kedua-dua kumpulan. Susunan “{sebab} + {keputusan}” juga kedua paling banyak digunakan oleh kedua-dua kumpulan. Susunan “{keputusan} + {sebab}” dijumpai sekali dalam data MNS seperti berikut:

Informan M13

ごめんね 🙏	<i>Gomen ne</i>	(Maaf ya.)	{permohonan maaf}
行けないよ	<i>Ikenai yo</i>	(Tak boleh datang la.)	{keputusan}
FUN RUN に参加する	<i>FUN RUN ni sanku suru</i>	(Saya terlibat dengan FUN RUN.)	{sebab}
行きたいけどなあ	<i>Ikutai kedo naaa</i>	(Tapi nak pergi sebenarnya.)	{reaksi positif}

Penggunaan susunan “{keputusan} + {sebab}” tersebut merupakan pemindahan pragmatik yang hanya ditemui dalam data MNS. Pemindahan pragmatik berlaku kerana informan MNS kurang memperhatikan perbezaan terhadap susunan formula semantik ataupun beliau sengaja memilih susunan tersebut. Sungguhpun begitu, informan M13 menambah formula semantik {permohonan maaf} dan {reaksi positif} sebelum dan selepas susunan tersebut, maka risiko yang mengancam air muka telah dikurangkan.

Seterusnya, Jadual 6 menunjukkan hasil perbandingan dari pandangan susunan formula semantik antara {permohonan maaf} dengan {sebab} dalam konteks silang budaya.

Jadual 6. Perbandingan susunan formula semantik antara {permohonan maaf} dengan {sebab} dalam konteks silang budaya

Kategori B	Susunan	MNS n (%)	JNS n (%)
B-1	{permohonan maaf} + {sebab}	6 (30)	2 (10)
B-2	{sebab} + {permohonan maaf}	4 (20)	9 (45)
B-3	{permohonan maaf} sahaja	1 (5)	1 (5)
B-4	{sebab} sahaja	8 (40)	8 (40)
B-5	Tiada kedua-duanya	1 (5)	–
	Jumlah	20 (100)	20 (100)

Bagi perbandingan ini juga, kecenderungan yang serupa dengan konteks bahasa ibunda didapati. Informan yang menyatakan {permohonan maaf} lebih ramai daripada informan yang tidak menyatakannya dalam kedua-dua kumpulan MNS dan JNS. Susunan “{permohonan maaf} + {sebab}” lebih banyak ditemui dalam data MNS berbanding susunan “{sebab} + {permohonan maaf}”, namun keadaan sebaliknya pula dalam data JNS. Salah satu sebabnya ialah penggunaan {reaksi positif} yang kerap digunakan sebelum {sebab} oleh JNS, sama seperti yang telah dinyatakan bagi konteks bahasa ibunda.

Terdapat seorang MNS dan seorang JNS yang menyatakan {permohonan maaf} sahaja tanpa {sebab}. Terdapat juga seorang MNS yang tidak menyatakan kedua-dua {permohonan maaf} dan {sebab}. Ketiga-tiga kes tersebut sama dengan kes yang hanya menyatakan {keputusan} tanpa {sebab} dalam Jadual 5 tersebut.

Secara keseluruhannya, perbezaan yang ketara antara konteks bahasa ibunda dengan konteks silang budaya tidak dapat ditemui dalam kajian ini dari segi

susunan formula semantik. Hal ini amat bertentangan dengan dapatan Hieda, Nor Hashimah dan Mohammad Fadzeli (2021), iaitu pendekatan MNS telah berubah secara signifikan dengan mengikut norma bahasa sasaran dalam konteks silang budaya dari perspektif “kekerapan penggunaan formula semantik” mahupun “purata penggunaan formula semantik per kapita”. Oleh yang demikian, boleh disimpulkan bahawa susunan formula semantik tidak begitu dipengaruhi oleh perbezaan konteks yang berlainan.

Perbandingan purata penggunaan emoji

Perbandingan purata penggunaan emoji dalam konteks bahasa ibunda

Jadual 7 menunjukkan keputusan Ujian-*t* yang membuat perbandingan purata penggunaan emoji dalam konteks bahasa ibunda.

Jadual 7. Perbandingan purata penggunaan emoji dalam konteks bahasa ibunda

	MNS	JNS	Nilai <i>t</i>	Nilai <i>p</i>	Saiz kesan <i>d</i>
[wajah positif] (SD)	0.70 (1.10)	0.50 (0.97)	0.14	0.557	0.19
[wajah negatif] (SD)	0.80 (1.03)	1.10 (1.87)	0.11	0.545	0.20
[lain-lain] (SD)	0.20 (0.51)	0.50 (1.02)	0.64	0.263	0.37
Jumlah (SD)	1.70 (1.85)	2.10 (2.64)	0.24	0.592	0.18

Nota: SD = Sisihan piawai (*Standard deviation*)

Dari sudut purata penggunaan emoji, tiada perbezaan signifikan antara MNS dengan JNS bagi semua jenis emoji, iaitu [wajah positif] ($t(38) = 0.14$, $p = 0.557$, $d = 0.19$), [wajah negatif] ($t(38) = 0.11$, $p = 0.545$, $d = 0.20$), [lain-lain] ($t(38) = 0.64$, $p = 0.263$, $d = 0.37$) dan Jumlah ($t(38) = 0.24$, $p = 0.592$, $d = 0.18$). Emoji [wajah negatif] paling banyak digunakan oleh kedua-dua kumpulan. Emoji [wajah positif] pula mempunyai penggunaan kedua paling banyak bagi kedua-dua kumpulan.

Emoji [wajah negatif] kerap digunakan secara lebih seragam bersama {sebab}, {keputusan} dan {permohonan maaf} oleh kedua-dua kumpulan untuk menunjukkan emosi penyesalan (Contoh: “saya ada hal haritu 🙄 🙄”). Terdapat juga penggunaan [wajah negatif] bersama {reaksi positif} (Contoh: “nak gii 🙄”) yang mengimplikasikan niat penolakan.

Emoji [wajah positif] digunakan secara lebih meluas dan bervariasi bersama pelbagai jenis formula semantik. Emoji [wajah positif] banyak digunakan bersama {reaksi positif} (Contoh: “bestnya... 😄”) dan {pengekalan hubungan} (Contoh: “nanti kita plan jalan2 sama2 kita pula ek.. 😄”) oleh kedua-dua kumpulan. Penggunaan emoji tersebut menyampaikan perasaan positif secara visual serta menjadikan suasana pertukaran mesej lebih mesra dan menarik.

Dari segi penggunaan emoji [lain-lain] pula, dua kes MNS dan tujuh kes JNS menggunakan item tersebut. Satu kes MNS menggunakan bersama {ulangan} seperti “masuk rumah baru.. 🍓🍓” sebagai hiasan yang memeriahkan suasana pertukaran mesej. Satu lagi kes MNS menggunakan emoji tangan bersama {permohonan maaf} seperti “sorryyyyy 🙏😭”. Emoji [lain-lain] yang paling banyak digunakan oleh JNS ialah tanda peluh “💦” yang menunjukkan emosi penyesalan terhadap penolakan ajakan. Aksi pergerakan (“👉” dan “🙏”) juga ditemui bersama {permohonan maaf}. Selain itu, tanda “🌟” dan “🎵” menunjukkan perasaan positif seperti “*Sasotte kurete, arigatoo!* 🌟” (Terima kasih atas pelawaan itu!).

Perbandingan purata penggunaan emoji dalam konteks silang budaya

Jadual 8 menunjukkan keputusan Ujian-*t* yang membuat perbandingan purata penggunaan emoji dalam konteks silang budaya.

Jadual 8. Perbandingan purata penggunaan emoji dalam konteks silang budaya

	MNS	JNS	Nilai <i>t</i>	Nilai <i>p</i>	Saiz kesan <i>d</i>
[wajah positif] (SD)	0.25 (0.89)	0.20 (0.51)	0.98	0.833	0.07
[wajah negatif] (SD)	0.75 (1.22)	1.15 (2.17)	0.03	0.490	0.23
[lain-lain] (SD)	0.50 (1.02)	2.45 (6.13)	0.90	0.186	0.44
Jumlah (SD)	1.50 (2.01)	3.80 (7.51)	0.81	0.211	0.42

Nota: SD = Sisihan piawai (*Standard deviation*)

Dari segi purata penggunaan emoji dalam konteks silang budaya, tiada perbezaan signifikan antara MNS dengan JNS bagi semua jenis emoji, iaitu [wajah positif] ($t(38) = 0.98$, $p = 0.833$, $d = 0.07$), [wajah negatif] ($t(38) = 0.03$, $p = 0.490$, $d = 0.23$), [lain-lain] ($t(38) = 0.90$, $p = 0.186$, $d = 0.44$) dan jumlah ($t(38) = 0.81$, $p = 0.211$, $d = 0.42$).

Bagi konteks silang budaya, kedua-dua kumpulan kurang menggunakan emoji [wajah positif], bertentangan dengan konteks bahasa ibunda. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan lebih mementingkan kesantunan negatif dengan menjauhkan jarak secara psikologi antara satu sama lain. Purata bagi emoji [lain-lain] oleh JNS menjadi banyak disebabkan oleh kekerapan yang sangat tinggi bagi dua orang JNS (11 kali dan 27 kali).

Emoji [wajah negatif] kerap digunakan bersama {sebab}, {keputusan} dan {permohonan maaf} oleh kedua-dua kumpulan MNS dan JNS, sama seperti konteks bahasa ibunda.

Emoji [wajah positif] digunakan dalam hanya dua kes MNS dalam konteks silang budaya. Satu kes MNS menggunakan [wajah positif] bersama {reaksi positif} seperti ujaran “*Tanoshisoo* 🤗 🤗 🤗 🤗” (Seronoknya). Satu lagi kes MNS pula menggunakan [wajah positif] bersama {sebab} seperti berikut:

Informan M07

日曜日は実家帰る予定。😊	<i>Nichiyoobi wa jikka kaeru yotee</i>	(Saya bercadang untuk pulang ke kampung pada hari Ahad ini.)	{sebab}
--------------	--	--	---------

Emoji [wajah positif] bersama {sebab} langsung tidak ditemui dalam data JNS. Penggunaan emoji [wajah positif] bersama {sebab} boleh diiktiraf sebagai pemindahan pragmatik dalam bentuk visual. Hal ini selaras dengan penggunaan formula semantik {ketawa} bersama {sebab} yang hanya dijumpai dalam wacana MNS, namun tidak dijumpai dalam wacana JNS seperti contoh berikut.

Informan M20

huhuhuhuhu	{ketawa}
ahad minggu depan saya dah ada plan dengan cousin saya, tlg dia buat biskut raya...	{sebab}

Terdapat empat kes informan JNS pula menggunakan emoji [wajah positif] bersama {penangguhan}, {reaksi positif}, {gantian} dan {pujian} dengan menekankan perasaan positif mengikut ujaran sebelumnya.

Dari sudut penggunaan emoji [lain-lain], emoji yang merupakan aksi pergerakan (“🙏” dan “🙏”) digunakan bersama {permohonan maaf} oleh kedua-dua kumpulan, sama seperti konteks bahasa ibunda. Emoji peluh “💦” pula kerap digunakan oleh JNS iaitu sebanyak sembilan kes, tetapi tiada dalam data MNS. Emoji [lain-lain] yang menunjukkan perasaan positif seperti “❤️”, “🌟” dan “🎵” juga digunakan dalam tiga kes MNS dan sembilan kes JNS. Selain itu, emoji [lain-lain] yang melambangkan imej parti seperti “🍷”, “🍷”, “🎁” dan “🎈” juga digunakan dalam dua kes MNS dan lima kes JNS.

Kesan kesantunan dalam konteks silang budaya

Bahagian ini memperhatikan kesan kesantunan tentang strategi dalam bahasa Jepun yang diambil oleh MNS. Data kualitatif yang didapati melalui temu bual pasca lakonan digunakan untuk menentukan kesan kesantunan.

Secara keseluruhannya, tiada kes yang menimbulkan kesan kesantunan yang negatif. Dalam kata lain, semua kes menghasilkan kesan kesantunan yang positif atau neutral dari perspektif susunan formula semantik mahupun purata penggunaan emoji. Dua kes pemindahan pragmatik juga masih dapat diterima oleh JNS dengan kerjasama antara penghantar mesej dengan penerima mesej.

Seterusnya, kesan kesantunan terhadap dua kes pemindahan pragmatik diberi perhatian secara lebih terperinci. Pemindahan pragmatik ditemui dalam satu kes susunan formula semantik “{keputusan} + {sebab}” serta satu kes penggunaan emoji [wajah positif] “gelak tawa” (😄) bersama {sebab}.

Dari sudut penggunaan susunan formula semantik “{keputusan} + {sebab}”, penerima mesej JNS tidak memberi sebarang komen terhadap susunan formula semantik tersebut. Dalam erti kata lain, susunan tersebut masih dapat diterima oleh JNS dengan menimbulkan kesan yang neutral. Hal ini kerana formula semantik lain yang digunakan sebelum dan selepas susunan tersebut berkesan untuk mengurangkan tahap pengancaman air muka. Hal ini juga menunjukkan bahawa suatu strategi dinilai oleh penerima mesej dengan mengambil kira keseluruhan wacana, bukan dengan tertumpu pada suatu ujaran sahaja.

Bagi penggunaan emoji [wajah positif] “gelak tawa” (😄) bersama {sebab} pula, penerima mesej JNS mengatakan bahawa “Saya rasa dia ingin menunjukkan emosi sedih dengan menggunakan emoji tersebut”. Kes ini menunjukkan bahawa penerima mesej juga berperanan penting untuk melancarkan komunikasi silang budaya dengan mentafsirkan mesej yang ingin disampaikan dengan tepat.

Secara rumusannya, kajian ini tidak mendapati kesan kesantunan yang negatif terhadap dua kes pemindahan pragmatik tersebut. Dalam erti kata lain, dua kes pemindahan pragmatik tersebut masih dapat dianggap sebagai “perlakuan patut” yang boleh diterima oleh penerima mesej. Pemindahan pragmatik dalam kajian ini boleh dikatakan secara sengaja atau tidak sengaja berfungsi untuk menunjukkan pengekalan identiti sebagai penutur bukan natif tanpa menyakiti hati lawan tutur.

Kesimpulan

Kajian ini telah dijalankan mengikut perspektif sosiopragmatik untuk menghuraikan strategi penolakan ajakan dalam kalangan MNS dan JNS. Analisis telah dilakukan dari dua perspektif, iaitu susunan formula semantik dan purata penggunaan emoji. Kajian ini juga telah menerangkan kesan kesantunan terhadap strategi dalam bahasa Jepun yang diambil oleh MNS. Hasil kajian memaparkan bahawa perbezaan yang ketara tidak wujud antara konteks bahasa ibunda dengan konteks silang budaya dari dua perspektif tersebut. Terdapat dua kes pemindahan pragmatik yang hanya ditemui dalam data MNS, iaitu susunan formula semantik “{keputusan} + {sebab}” dan penggunaan emoji [wajah positif] “gelak tawa” (😄) bersama {sebab}. Namun begitu, dua kes pemindahan pragmatik tersebut tidak menghasilkan kesan kesantunan yang negatif dalam kajian ini. Hal ini kerana penghantar mesej menggabungkan pelbagai jenis formula semantik untuk mengurangkan tahap pengancaman air muka serta penerima mesej mentafsirkan mesej dengan mempertimbangkan keseluruhan wacana. Kajian ini telah membuktikan bahawa strategi yang berlainan daripada norma dalam bahasa sasaran tidak semestinya terus menjejaskan komunikasi yang lancar, sebaliknya perkara ini masih dapat diterima melalui kerjasama antara penghantar mesej dengan penerima mesej. Sehubungan itu, kajian seterusnya dicadangkan turut dilakukan untuk mengenal pasti sempadan yang membezakan “perlakuan patut” dan “perlakuan tidak patut” antara strategi yang berlainan daripada norma dalam bahasa sasaran.

Rujukan

- Arai, Y. 2011. Nikkan keitai meeru gengo ni mieru gengo shiyou ishiki to senryaku: Keiryuu kenkyuu o chuushin ni [Persepsi dan strategi terhadap penggunaan bahasa dalam mesej telefon bimbit Jepun-Korea: Fokus kepada analisis kuantitatif]. *Language and Information Sciences* 9: 1–17.
- Arakawa, A., Nakatani, Y. and Sato, T. 2006. Emails with emoticons received from friends: The relationship between their frequency and the impressions they make. *The Japanese Journal of Language in Society* 8(2): 18–25.
- Brown, P. and Levinson, S.C. 1987. *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge: Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511813085>
- Date, K. 2006. An analysis of Japanese language learners' communication strategies: The use of indirect expressions of refusal. PhD diss., University of Malaya.
- Embassy of Japan in Malaysia. 2021. The Malaysian Look East Policy. Retrieved from <https://www.my.emb-japan.go.jp/English/JIS/education/LEP.htm> (accessed 15 October 2021).
- Fujimori, H. 1995. The forms of explanation markers and their pragmatic functions: In the case of Chinese and Korean students of Japanese. *Journal of Japanese Language Teaching* 87: 79–90.
- Harada, T. 2004. The role of “face marks” in promoting smooth communication and expressing consideration and politeness in Japanese. *The Journal of the Institute for Language and Culture* 8: 205–224.
- Hieda, N., Nor Hashimah Jalaluddin and Mohammad Fadzeli Jaafar. 2021. Penolakan ajakan dalam bahasa Jepun oleh informan Melayu: Analisis strategi dan kesan kesantunan. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 21(1): 148–165.
- Houck, N. and Gass, S.M. 1996. Non-native refusals: A methodological perspective. In *Speech acts across cultures: Challenges to communication in a second language*, eds. S.M. Gass and J. Neu, 45–64. New York: Mouton de Gruyter. <https://doi.org/10.1515/9783110219289.1.45>
- Huang, M. 2015. A comparative study of Chinese and Japanese linguistic behavior in the closing section in agreement situation of invitational discourse: Focusing on two situations with different burden degrees. *Gengo Bunka to Nihongo Kyouiku* 48/49: 22–31.
- Igarashi, N. and Itoi, E. 2004. How college students use and perceive pictographs in cell phone e-mail messages. *Kyushu Communication Studies* 2: 1–11.
- Ito, E. 2002. Mareego bogowasha no chuukangengo ni mirareru goyouteki tokuchou: Kotowari hyougen ni okeru fuhensei to tokushusei [Ciri pragmatik yang ditemui dalam bahasa antara oleh penutur natif bahasa Melayu: Kesejagatan dan keistimewaan dalam ekspresi penolakan]. *Kotoba no Kagaku* 15: 179–197.
- Iwata, Y., Kim, K., Yang, H. and Shirai, H. 2018. Contrastive studies: Explorations examining humanity, culture, and society. *The Japanese Journal of Language in Society* 21(1): 1–3.

- Jang, Y.A. 2017. Disagreement and negative assessment in same-sex Japanese and Korean conversations: Conflict and joking from the perspectives of gender and politeness. *Handai Nihongo Kenkyuu* 29: 101–128.
- Kitamura, H. and Sato, S. 2009. Effect of pictograms in text-messaging on impression formation of female students. *Japanese Journal of Research on Emotions* 17(2): 148–156. <https://doi.org/10.4092/jsre.17.148>
- Kumagai, T. 2000. Factors involved in the analysis of linguistic behaviors. *Japanese Linguistics* 7: 95–113.
- Laohaburanakit, K. 1995. Refusal in Japanese: A comparison of Japanese textbooks and actual conversation data. *Journal of Japanese Language Teaching* 87: 25–39.
- Liu, D. 2015. “Kanyuu” no gengo koudou ni tsuite no nitchuu taishou kenkyuu: Hikanyuusha no gengo koudou o chuushin to shite [Kajian kontrastif terhadap “ajakan” dalam bahasa Jepun dan Cina: Fokus kepada lakuan bahasa oleh pihak yang diajak]. PhD diss., Osaka University.
- Maryam Farnia and Wu, X. 2012. An intercultural communication study of Chinese and Malaysian university students’ refusal to invitation. *International Journal of English Linguistics* 2(1): 162–176. <https://doi.org/10.5539/ijel.v2n1p162>
- Mekkreangkrai, P. 2013. The differences in expressions of refusals between Japanese and Thai learners of Japanese: Focusing on the structure of refusals when using mobile e-mail. *Japanese Language Education* 45: 11–19.
- Mizumoto, A. and Takeuchi, O. 2008. Basics and considerations for reporting effect sizes in research papers. *Eigo Kyouiku Kenkyuu* 31: 57–66.
- Nakagaki, T. 2015. A contrastive study of invitation in Japanese and Swahili: In the case of refusing the invitation to dinner. *Journal of Swahili and African Studies* 26: 20–39.
- Okamoto, S., Toskar, S., Suzuki, A. and Yang, X. 2003. Language and cultural awareness in regard to invitations and refusals: Comparisons of Japanese, English, Chinese and Russian politeness strategies and how they impact foreign/second language learners. *Journal of Hokkaido Bunkyo University* 4: 189–202.
- Peng, F. 1990. *Gaikokujin o nayamaseru nihonjin no gengo kanshoo ni kansuru kenkyuu* [Kajian berkenaan adat bahasa Jepun yang mengelirukan penutur bukan natif]. Osaka: Izumi Shoin.
- Saiki, H. 2012. Expression of disclaimers within the younger generations: Stylistic analysis from the perspective of mobile texting. *Gobun* 143: 136–125.
- Skulkru, K. 2019. LINE kaiwa ni okeru nichu-tai no irai no sutoratejii: Taijin hairyo no maeoki hyougen ni chakumoku shite [Strategi permintaan Jepun-Thailand dalam perbualan LINE: Fokus kepada ekspresi permulaan yang mempertimbangkan hubungan interpersonal]. *Shakai Gengo Kagakukai Taikai Happpou Ronbunshuu* 43: 130–133.
- Suzuki, E. 2011. Chuugokujin nihongo gakushuusha no kotowari no sutoratejii: Poraitonesu riron no shiten kara [Strategi penolakan oleh pelajar bahasa Jepun berbangsa Cina: Dari perspektif Teori Kesantunan]. PhD diss., Osaka University.
- Szatrowski, P.E. 1993. *Nihongo no danwa no kouzou bunseki: Kanyuu no sutoratejii no kousatsu* [Analisis struktur wacana Jepun: Pertimbangan strategi ajakan]. Tokyo: Kurosio Publishers.

- Tanaka, Y. 1998. Shitsumonshihou no jissshi houhou [Kaedah soal selidik]. In *Shinrigaku manyuaru: Shitsumonshihou*, eds. M. Kambara, K. Miyashita, H. Oonogi and J. Nakazawa, 26–47. Kyoto: Kitaohji Syobo.
- The Japan Foundation. 2020. *Survey report on Japanese-language education abroad 2018*. Tokyo: The Japan Foundation.
- Tran, G.Q. 2006. The naturalized role-play: An innovative methodology in cross-cultural and interlanguage pragmatics research. *Reflections on English Language Teaching* 5(2): 1–24.
- Usami, M. 2006. Discourse Politeness Theory and cross-cultural pragmatics. In *Readings in second language pedagogy and second language acquisition: In Japanese context*, eds. A. Yoshitomi, T. Umino and M. Negishi, 19–41. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company. <https://doi.org/10.1075/ubli.4.05usa>
- . 2003. Cross-cultural contact and politeness from the viewpoint of Discourse Politeness Theory. *Studies in the Japanese Language* 54(3): 117–132.
- Yamano, N. 2007. Nihonjin to chuugokukei shingapoorujin no kanyuu ni taisuru “kotowari” hyougen [Ekspresi “penolakan” terhadap ajakan di antara orang Jepun dengan bangsa Cina Singapura]. *Working Papers in Teaching Japanese as a Foreign Language* 16: 112–119.